

UMS-KAL bantu promosi Koperasi Rakyat Labuan

UB 29.02.2012 A2

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) akan membantu mempromosi Koperasi Rakyat Labuan Berhad (Koral) untuk kebaikan warga Wilayah Persekutuan Labuan.

Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang berkata pelajar Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) bersedia untuk membantu memberikan publisiti kepada produk Koral untuk dipasarkan kepada masyarakat Labuan dan warga universiti.

Katanya, pelajar UMS-KAL sememangnya memerlukan barangan dan produk serta perkhidmatan yang diperlukan seperti makanan dan minuman serta perkhidmatan seperti kertas, alat tulis, peralatan photostat dan percetakan.

Sehubungan itu, beliau akan

membawa cadangan koperasi itu kepada pengetahuan ahli majlis mesyuarat pengurusan UMS-KAL untuk dibincang dan dipersetujui.

“UMS-KAL sangat mengalu-alukan kerjasama mana-mana pihak untuk membantu pelajar terutama dalam mendapatkan barangan dan perkhidmatan yang menawarkan harga yang lebih murah dan mudah,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima kunjungan hormat daripada Pengerusi Koral, Fauziah Datuk Mohd Din di Pejabat Pengarah, Tingkat 13, Bangunan Menara UMS-KAL, kelmarin.

Turut hadir Setiausaha Koperasi, Kapten (B) Kamaruzzaman Abd Samad dan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Labuan, Abd Ghani Aman.

Hadir sama Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah dan

Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Norhanizah Adnan.

Dr Shariff berkata dengan kapasiti seramai 2,500 pelajar dan kakitangan, beliau yakin produk yang dipasarkan koperasi itu akan mampu mendapat tempahan dan jualan yang memuaskan pada masa akan datang.

Katanya, dengan adanya kerjasama antara UMS-KAL dan koperasi itu akan memudahkan pelajar mendapatkan barangan dan perkhidmatan yang lebih murah berbanding harga di pasaran ketika ini.

Selain itu, beliau berkata pelajar boleh menjadikan kerjasama itu tempat mereka belajar cara-cara menjadi usahawan dan memasarkan barang manakan dan perkhidmatan.

“Inilah masa yang sesuai untuk pelajar menggunakan ilmu yang mereka pelajari di dalam kuliah untuk kepentingan masyarakat setempat,” katanya.



DR SHARIFF (tiga kiri) menyampaikan cenderamata kepada Fauziah sambil diperhatikan Norhanizah (dari kanan), Zamri, Kamaruzzaman dan Abd Ghani.